


Terengganu perkenal arkeopelancongan

Hasrizal menunjukkan antara artifak yang ditemui di sekitar lokasi tapak kapal karam atau dikenali sebagai *The Bidong Shipwreck* di Pulau Bidong.



SH/23.05.23 / M/S 25

KUALA NERUS - Kerajaan negeri Terengganu sedang melakukan perincian bagi merealisasikan hasrat memperkenalkan segmen baharu pelancongan iaitu arkeopelancongan bawah air di Pulau Bidong.

Pengarah Pusat Perkhidmatan Penyelidikan dan Lapangan (PPPL) Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Profesor Dr Hasrizal Shaari berkata, ia bertujuan menarik kunjungan peminat selam skuba, warisan kebudayaan dan sejarah maritim dari seluruh dunia untuk melancong ke lokasi berkenaan.

Jelasnya, segmen arkeopelancongan di Pulau Bidong ini merangkumi komponen latihan, pemeliharaan dan pemuliharaan artifak yang ditemui di tapak kapal karam atau dikenali sebagai *The Bidong Shipwreck* yang ada di pulau itu.

“Kita bersama Jabatan Warisan

Negara (JWN) dan kerajaan negeri Terengganu ke arah untuk merealisasikan hasrat tersebut.

“Sekiranya apa yang dirangka berjalan lancar, Terengganu bakal menjadi negeri pertama yang memperkenalkan segmen baharu pelancongan itu,” katanya kepada pemberita selepas melawat tapak peninggalan kapal karam di pulau itu, baru-baru ini.

Tambahnya, pada peringkat permulaan sebanyak RM1.5 juta diperlukan untuk melakukan proses eskavasi (penggalian) membawa keluar artifak di dasar laut itu.

Katanya, kesemua artifak-artifak itu akan dipamerkan dalam galeri arkeologi yang kini dalam perancangan untuk pembinaan.

Ujarnya, *The Bidong Shipwreck* pada mulanya ditemui oleh seorang nelayan pada 2012 pada kedalaman 18 meter dari permukaan laut.